

25 NOV 1998

Dewan-BN (N.Sembilan)

"CHARACTER ASSASINATION" DIGUNA UNTUK LEMAHKAN BN

SEREMBAN, 25 Nov (Bernama) -- Mereka yang ingin melihat kerajaan Barisan Nasional (BN) lemah kini menggunakan kaedah "character assassination" dengan membuat pelbagai tuduhan, yang tidak berasas terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Mereka berharap apabila imej Perdana Menteri jatuh, Umno akan menjadi lemah dan seterusnya kerajaan BN akan menjadi lemah dan turut jatuh," katanya hari ini semasa menggulung perbahasan usul ucapan terima kasih di atas titah Pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, ketika merasmikan persidangan Dewan Undangan Negeri Isnin lepas.

Mohd Isa berkata yang penting ialah anggota Umno mesti yakin bahawa tindakan yang diambil oleh parti adalah betul kerana selagi anggota tidak yakin 100 peratus, adalah sukar untuk memberi penerangan kepada orang lain.

Katanya usaha memberi penjelasan kepada orang lain adalah penting untuk mewujudkan kestabilan politik, bagi memastikan usaha pemulihan ekonomi berjaya.

Beliau juga berkata pencemaran udara dan air sungai memang dikesan berlaku di kawasan Nilai, yang berpunca daripada kilang-kilang di situ tidak mengawal pelepasan asap kilang dan sisa buangan.

Beberapa syarikat telah dikenakan tindakan, dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri diminta mempertingkatkan pengawasan terhadap kilang-kilang di situ, katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Asas Negeri, Datuk Darus Salim Bulin ketika menggulung perbahasan usul, berhubung perkara yang menyentuh portfolionya, berkata melalui penswastaan Jabatan Bekalan Air negeri mulai Januari ini, pembaziran air diharap dapat dikurangkan.

Katanya pembaziran air termasuk yang berpunca daripada paip bocor membabitkan kira-kira 36 peratus, dan beliau berharap ia dapat dikurangkan apabila paip-paip lama diganti secara berperingkat-peringkat, setelah jabatan itu diswastakan nanti.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Perindustrian Negeri Datuk Shamsul Bahari Mat pula ketika menggulung perbahasan usul berhubung perkara yang menyentuh portfolionya berkata Jawatankuasa Pertanian Daerah diminta menyediakan data mengenai tanah terbiar di kawasan mereka untuk membolehkan usaha penanaman padi dilaksanakan.

Katanya pemilik tanah terbiar juga boleh menyewakan tanah mereka atau mengusahakannya secara bersama dengan swasta.

Terdahulu, semasa membahaskan usul itu, Haji Sainy Idris (BN-Pasir Panjang) berkata antara 20 dan 30 bangkai kapal karam terdapat di laut, kira-kira 5 km dari pantai negeri ini.

Katanya beliau berpendapat sebahagian artifaks yang mengandungi nilai sejarah dari kapal itu harus diambil untuk dipamerkan di Muzium Laut.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

AZ RI